

08/03/1997

Perjanjian baru tingkat dagangan dua hala

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia dan Afrika Selatan hari ini menandatangani dua perjanjian iaitu satu pakatan perdagangan baru untuk memudahkan penubuhan jawatankuasa bersama perdagangan bagi meningkatkan perdagangan dua hala, sementara satu lagi adalah bagi hal mengenai perkapalan dan maritim.

Perjanjian perdagangan itu ditandatangani Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Afrika Selatan, P Mlambo-Ngcuka.

Perjanjian perkapalan Komersil dan perkara Maritim yang Berkaitan ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, sementara Afrika Selatan diwakili Menteri Hal Ehwal Galian dan Tenaga, P Maduna.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela yang kini dalam rangka lawatan ke Malaysia menyaksikan majlis itu di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Mengenai perjanjian pertama itu, Rafidah berkata di samping jawatankuasa perdagangan bersama, ia juga membolehkan kedua-dua negara mendapat Layanan Negara Paling Diutamakan (MFN) dalam hal berkaitan dengan duti kastam dan formaliti perdagangan luar.

Menurutnya, perjanjian perdagangan itu memudahkan penyertaan kedua-dua negara dalam pameran perdagangan dan aktiviti penggalakan masing-masing, termasuk pelepasan duti kastam dan bayaran lain bagi barangan sampel di pameran itu.

"Objektif utama perjanjian perdagangan itu ialah memperluaskan kerjasama perdagangan, ekonomi dan industri pada jangka panjang," katanya dalam satu kenyataan selepas majlis tandatangan itu.

Katanya, perjanjian itu baik bagi sektor swasta kedua-dua negara dan ia juga merangsangkan lagi aliran perdagangan, pelaburan dan inisiatif perniagaan individu.

Rafidah berkata, Afrika Selatan adalah rakan perdagangan Malaysia yang terbesar di benua Afrika.

Pada 1996, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara ialah RM1.36 bilion iaitu peningkatan 14.3 peratus berbanding 1995.

Eksport Malaysia ke Afrika Selatan bagi 1996 berjumlah RM719 juta.

Eksport utama ke negara itu termasuk minyak sawit, kayu, getah asli dan susu getah, peralatan telekomunikasi dan bunyi serta peralatan pejabat.

Import dari Afrika Selatan pula RM643 juta termasuk emas, batang besi dan keluli, bijirin, kertas serta kadbod dan baja. - Bernama

(END)